

12/09/2003

Pelajar perubatan menang slogan hormai jasa Dr M

MELAKA: Slogan 'Kami berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana meletakkan Malaysia dalam sebuah negara yang aman, harmoni dan toleransi' membawa tuah kepada seorang pelajar, Haresh Das, apabila beliau dipilih pemenang utama peraduan menulis ucapan ringkas kepada Perdana Menteri sempena sambutan Bulan Kemerdekaan anjuran sebuah pusat peranginan di sini.

Slogan 17 perkataan itu melayakkan Haresh dari Klebang memenangi hadiah penginapan tiga hari dua malam termasuk sarapan untuk dua orang di Riviera Bay Resort selain baucar makanan di restoran makanan Itali di pusat peranginan itu.

Haresh, pelajar Kolej Perubatan Manipal di sini, berkata beliau terkejut apabila diumumkan pemenang kerana tidak berpengalaman menyertai program seumpama ini.

"Bagaimanapun, saya tidak mengambil masa yang lama untuk menjawab soalan kerana idea saya datang secara spontan. Saya menghantar borang penyertaan juga sekadar suka-suka," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah oleh Pengurus Besar Riviera Bay, Andrew Fernandez, di sini, kelmarin.

Philippe Mayeux yang menghantar slogan 'Kerana kepimpinan dan perjuanganmu menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan dikagumi seperti hari ini' memenangi tempat kedua.

Beliau menerima hadiah pakej penginapan tiga hari dua malam termasuk sarapan pagi untuk dua orang di Riviera Bay selain baucar makanan.

Tempat ketiga dimenangi Kamal Ariffin Abdullah dengan slogan 'Kau adalah sumber inspirasi untuk kami berjaya dan kami berjanji akan menyambung segala perjuanganmu'. Beliau menerima hadiah berupa pakej penginapan tiga hari dua malam di Hotel Istana termasuk baucar makanan.

Pegawai Komunikasi dan Pemasaran Riviera Bay, Angie F N Lee, berkata pertandingan ucapan ringkas kepada Perdana Menteri yang diadakan selama 10 hari bermula 21 Ogos lalu, bertujuan mengenang serta memperingati jasa Dr Mahathir.

"Kita berharap peraduan seumpama ini dapat memupuk semangat patriotik dan kemerdekaan di kalangan masyarakat terutama remaja walaupun kita berlainan bangsa dan agama," katanya.

Angie berkata, peraduan yang pertama kali diadakan itu mendapat sambutan menggalakkan dengan kira-kira 120 penyertaan diterima dalam tempoh itu.